

Headline **Anugerah Sains**  
Date **30 Sep 2009**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **2**  
Article Size **257 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **5,079**  
PRValue **15,238**



## ANUGERAH SAINS

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan Anugerah Sains Mahathir 2008 dan 2009 anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) di Kuala Lumpur malam kelmarin.

Prof. Dr. Gurdev Singh Khush menerima Anugerah Sains Mahathir 2008 atas sumbangan penting dalam bidang penyelidikan padi yang membantu mengurangkan masalah kebuluran dunia.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pula menerima Anugerah Sains Mahathir 2009 atas kejayaan memajukan industri perabot kayu getah sehingga ke peringkat global.

Para penerima anugerah menerima hadiah dalam bentuk wang tunai, pingat dan sijil daripada Perdana Menteri.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili serta isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

■ NAJIB Tun Razak bersama Rosmah Mansor dan Dr. Maximus Ongkili bergambar bersama penerima Anugerah Sains Mahathir terdiri daripada Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod (dua dari kiri) dan Prof. Gurdev Singh Khush (kanan) sementara bekas Ketua Setiausaha Negara, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (kiri) menerima Sijil Fellow Kehormat ASM 2009 selepas Majlis Anugerah Sains Mahathir 2008 dan 2009 di Kuala Lumpur, kelmarin.